

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR.MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
TARIKH : 11 JUN 2015
SOALAN :

YB Datuk Dr.Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) Bilakah cadangan pembinaan medan letak kereta bertingkat di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu dimulakan dan dijangka siap; dan
- b) Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina jejantas bagi menghubungkan utama Hospital Queen Elizabeth dengan "TB ward".

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian mengambil maklum akan isu kesesakan tempat letak kereta di Hospital Queen Elizabeth (HQE) yang pada masakini mempunyai jumlah keseluruhan 1315 lot parkir. Bagi menangani isu tersebut, Kementerian sedang dalam usaha mengurangkan isu kesesakan tempat letak kereta secara berperingkat dimana pada dasarnya Kementerian telah mengambil pendekatan untuk

membina tempat letak kenderaan bertingkat melalui kaedah kerjasama awam swasta (Build, Operate and Transfer, BOT) di hospital-hospital utama yang mempunyai masalah yang sama termasuk HQE. Walaubagaimanapun ini tertakluk kepada ruang yang ada di hospital. Pelaksanaan projek melalui kaedah ini akan dimajukan kepada pihak UKAS, Jabatan Perdana Menteri.

- b) Kementerian belum bercadang untuk membina jejantas bagi menghubungkan bangunan utama hospital dengan Wad TB yang terletak di atas bukit kerana pada masa ini sudah ada laluan akses berbumbung untuk kakitangan dan pelawat maka belum ada keperluan yang mendesak bagi pembinaan jejantas tersebut.